



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

RANGKA TINDAKAN KEUSAHAWANAN SOSIAL MALAYSIA 2030 (SEMy2030): *PENARAFAN DAN AKREDITASI PERUSAHAAN SOSIAL*



LANDSKAP KEUSAHAWANAN SOSIAL DI MALAYSIA



Prinsip keusahawanan sosial telah wujud di Malaysia melalui Enakmen Syarikat Kerjasama-Sama 1922

Konsep keusahawanan sosial telah diaplikasikan dalam organisasi seperti koperasi, badan amal dan kemasyarakatan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

Berdasarkan kajian *The State of Social Enterprise in Malaysia* oleh British Council pada tahun 2018:

Jumlah
Perusahaan Sosial
di Malaysia:

20,749

Jumlah ini merangkumi kira-kira **2.1%** dari jumlah organisasi yang berdaftar di Malaysia (990,919)

11,073
(78.57%
daripada
14,094)
Koperasi

2,419
(3.47%
daripada
69,760)
NGO

7,257
(0.8%
daripada
907,065)
PMKS

54%
Perusahaan sosial
di Malaysia diterajui
oleh wanita



RANGKA TINDAKAN KEUSAHAWANAN SOSIAL MALAYSIA 2030 (SEMy2030)



- hala tuju nasional baharu pembangunan keusahawanan sosial di Malaysia
- mengarus perdana gerakan perusahaan sosial sebagai penyumbang efektif kepada pembangunan sosio ekonomi negara

Inklusif. Seimbang. Mampan

OBJEKTIF SEMy2030

- 1** Membina ekosistem pembangunan keusahawanan sosial yang bersepadu dan holistik di Malaysia
- 2** Mewujudkan sejumlah besar (critical mass) usahawan sosial
- 3** Memperkukuh pembangunan kapasiti dan daya saing perusahaan sosial tempatan
- 4** Mengarus perdana perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan negara
- 5** Mempertingkat dan menormalisasi perusahaan sosial untuk memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan alam sekitar

KERANGKA STRATEGIK KEUSAHAWANAN SOSIAL

5
Teras
Strategik

20
Strategi

45
Inisiatif

Membangunkan kerangka kawal selia, tadbir urus dan pengukuran impak yang berkesan dan menyokong	Meningkatkan kesedaran, jangkauan dan pembudayaan	Meningkatkan keupayaan dan kompetensi perusahaan sosial	Meningkatkan akses kepada sokongan kewangan	Meningkatkan akses ke pasaran domestik dan antarabangsa
1. Menambahbaik kerangka pendaftaran dan akreditasi perusahaan sosial 2. Membangunkan kerangka kawal selia pengawalseliaan perusahaan sosial 3. Menyelaraskan dengan lebih strategik program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan 4. Memperkukuh penggubalan dasar dan proses membuat keputusan berasaskan bukti 5. Memperkenalkan kaedah pengukuran impak perusahaan sosial	1. Mewujudkan mekanisme yang menggalakkan jaringan hubungan serta perkongsian maklumat dan pengetahuan 2. Memupuk semangat dan nilai keusahawanan sosial melalui pendidikan 3. Meningkatkan profil usahawan dan perusahaan sosial serta penerima manfaat mereka 4. Mewujudkan minat melalui program bersasar dan pertandingan . 5. Mentransformasi koperasi kepada perusahaan sosial ke arah kesepaduan ekonomi sosial	1. Menyokong percambahan idea dan penubuhan perusahaan sosial baharu 2. Menyediakan sokongan yang disesuaikan dengan keperluan dalam pembangunan kapasiti 3. Meningkatkan adaptasi teknologi dan digitalisasi 4. Memperkukuhkan kompetensi tenaga pengajar, mentor dan pembimbing dalam keusahawanan sosial	1. Menggalakkan skim pembiayaan inovatif bagi menyokong pembiayaan kepada perusahaan sosial 2. Meningkatkan akses dan ketersediaan bantuan pembiayaan untuk perusahaan sosial di pelbagai peringkat kitaran hayat perniagaan 3. Membangunkan jaringan keselamatan kewangan yang mampan bagi perusahaan sosial	1. Meningkatkan akses kepada perolehan kerajaan 2. Meningkatkan keterlihatan produk dan perkhidmatan perusahaan sosial 3. Memudah cara akses ke pasaran antarabangsa
9 inisiatif	11 inisiatif	9 inisiatif	9 inisiatif	7 inisiatif

DESKRIPSI PERUSAHAAN SOSIAL

Keusahawanan Sosial

‘Proses di mana usahawan sosial menyediakan penyelesaian kepada cabaran sosial dan alam sekitar yang mendesak’

Deskripsi Perusahaan Sosial

Entiti yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis di Malaysia, didorong oleh matlamat sosial dan mempunyai model perniagaan yang berdaya maju dari segi kewangan bagi menangani cabaran sosial dan/atau alam sekitar, serta bertujuan untuk menghasilkan impak yang positif kepada penerima manfaat dan ekonomi



Berdaftar di bawah undang-undang bertulis di Malaysia

- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- Ordinan Perniagaan di Sabah/ Sarawak
- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS)/ Pendaftaran Pertubuhan Belia




Didorong oleh matlamat

- Tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata
- Menyelesaikan masalah sosial dan alam sekitar melalui keuntungan/pendapatan yang dijana



Model Perniagaan Berdaya Maju bagi menangani cabaran sosial/ alam sekitar


- Mempunyai sumber kewangan yang mampan
- Menjana pendapatan daripada aktiviti perniagaan



Menghasilkan impak positif kepada penerima manfaat dan ekonomi (Meningkatkan kehidupan)

- Membawa perubahan transformatif kepada masyarakat dan alam sekitar

MATLAMAT KEUSAHAWANAN SOSIAL & KUMPULAN SASAR/ PENERIMA MANFAAT



Senarai matlamat dan sasaran penerima manfaat ini tidak menyeluruh dan akan dikaji dari semasa ke semasa

SASARAN DI BAWAH SEMy2030



	1 Bilangan Perusahaan Sosial Berdaftar	2 % Perusahaan sosial yang diakreditasi daripada jumlah yang berdaftar	3 Nilai perolehan perusahaan sosial yang berdaftar (RM)	4 Bilangan pekerjaan yang diwujudkan oleh perusahaan sosial berdaftar
2025	5,000	20%	1.3 bilion	47,000
2030	10,000	45%	2.6 bilion	95,000

5 Penambahbaikan kedudukan Malaysia dalam indeks tempatan dan antarabangsa:

- Sumbangan kepada penambahbaikan
- Sumbangan kepada Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi
- Sumbangan kepada penambahbaikan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

2025	2030
0.83	0.85
0.0026	0.0008
127.5	135

Kriteria Penarafan Perusahaan Sosial

Tunas Perusahaan Sosial

- Didorong oleh matlamat sosial untuk menangani isu sosial dan/atau alam sekitar
- Mempunyai kumpulan sasar yang jelas
- $\geq 25\%$ ahli koperasi terdiri daripada kumpulan sasar ATAU Koperasi membantu komuniti kumpulan sasar
- $\geq 10\%$ hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan
- $\geq 10\%$ keuntungan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar ATAU $\geq 10\%$ kos operasi perniagaan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar
- Tempoh sah laku – 1 tahun dari tarikh kelulusan

Perusahaan Sosial Asas

- Organisasi mestilah memenuhi deskripsi perusahaan sosial yang berkuatkuasa di Malaysia
- Berdaftar dengan undang-undang bertulis di Malaysia
- Sekurang-kurangnya telah beroperasi selama 6 bulan
- Didorong oleh matlamat sosial untuk menangani isu sosial dan/atau alam sekitar
- Mempunyai kumpulan sasar yang jelas
- $\geq 51\%$ ahli koperasi terdiri daripada kumpulan sasar ATAU Koperasi membantu komuniti kumpulan sasar
- $\geq 25\%$ hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan
- $\geq 30\%$ keuntungan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar ATAU $\geq 30\%$ kos operasi perniagaan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar
- Tempoh sah laku – 3 tahun dari tarikh kelulusan dan/atau bergantung kepada status pendaftaran organisasi bersama pihak berwajib

Perusahaan Sosial Diakreditasi

- Organisasi mestilah memenuhi deskripsi perusahaan sosial yang berkuatkuasa di Malaysia
- Berdaftar dengan undang-undang bertulis di Malaysia
- Sekurang-kurangnya telah beroperasi selama 2 tahun
- Didorong oleh matlamat sosial untuk menangani isu sosial dan/atau alam sekitar
- Mempunyai kumpulan sasar yang jelas
- $\geq 75\%$ ahli koperasi terdiri daripada kumpulan sasar ATAU Koperasi membantu komuniti kumpulan sasar
- $\geq 51\%$ hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan
- $\geq 51\%$ daripada keuntungan disalurkan kepada misi sosial dan/atau alam sekitar
- Mempunyai laporan pengukuran impak sosial dan/atau alam sekitar yang jelas
- Tempoh sah laku – 5 tahun dari tarikh kelulusan dan/atau bergantung kepada status pendaftaran organisasi bersama pihak berwajib

MANFAAT PENARAFAN

1

TUNAS PERUSAHAAN SOSIAL (ASPIRING SE)

- Penyertaan latihan dan bimbingan Kementerian serta Agensi untuk mendapatkan penarafan SE.B dan SE.Ac
- Akses kepada pembiayaan oleh agensi tertentu

2

PERUSAHAAN SOSIAL ASAS (BASIC SE – SE.B)

- Penyertaan latihan dan bimbingan Kementerian serta Agensi
- Akses kepada pembiayaan oleh agensi di bawah Kementerian dan agensi tertentu
- Akses kepada akses pasaran

3


PERUSAHAAN SOSIAL DIAKREDITASI (ACCREDITED SE – SE.AC)

- Layak memohon pengecualian cukai pendapatan
- Keutamaan dalam mendapatkan pembiayaan
- Keutamaan dalam mengikuti program pembangunan
- Keutamaan dalam mengikuti program akses pasaran

STATUS SEMASA PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL (SEMy2030)

10


26 April 2024



PECAHAN MENGIKUT ENTITI			
	<i>Aspiring</i>	SE.B	SE.Ac
PMKS	13	115	16
Koperasi	5	102	1
Pertubuhan & Persatuan	1	7	-
Belum mendaftar (<i>Aspiring</i>)	1	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	20	224	17

DEMOGRAFIK PERUSAHAAN SOSIAL


11



Jumlah : 699

26 April 2024

Bilangan berwarna **biru** adalah merujuk kepada SE yang diluluskan oleh KUSKOP bermula tahun 2021



CONTOH MODEL PERNIAGAAN SE

PERNIAGAAN INKLUSIF

Penyelesaian perniagaan yang melibatkan golongan miskin atau kurang bernasib baik sebagai pelanggan dan pengguna, atau sebahagian dalam rantai bekalan.

SUBSIDI BERSILANG

Menjual produk atau perkhidmatan kepada pelanggan berpendapatan tinggi untuk membiayai semua atau sebahagian daripada produk atau perkhidmatan untuk penerima manfaat.

BELI SATU, BERI SATU

Menjual produk kepada pasaran luar yang kemudian mendermakan produk tersebut kepada penerima manfaat.

FRANCAIS MIKRO

Membolehkan usahawan kecil untuk memulakan perniagaan francais kecil tanpa pelaburan pendahuluan yang tinggi.

REKA BENTUK UNTUK KEMAMPUAN

Perekaan bentuk semula teknologi atau perkhidmatan yang lebih mampu dimiliki oleh golongan miskin.

Mempunyai kos yang lebih rendah dan bersesuaian dengan keadaan komuniti tempatan.

CONTOH MODEL PERNIAGAAN SE

PENGANTARA PASARAN

Menyediakan perkhidmatan kepada penerima manfaat untuk membantu mengakses pasaran

RANGKAIAN PASARAN

Memudahkan hubungan perdagangan antara penerima manfaat dan pembeli

PERKHIDMATAN SOKONGAN KEPADA USAHAWAN

Menjual perkhidmatan sokongan perniagaan seperti perkhidmatan, produk atau bahan mentah kepada penerima manfaat (pembiayaan mikro, perundingan, sokongan teknologi)

YURAN UNTUK PERKHIDMATAN

Menjual produk atau perkhidmatan kepada pelanggan untuk membantu membiayai program sosial atau alam sekitar untuk penerima manfaat

PELUANG PEKERJAAN

Menyediakan peluang pekerjaan dan latihan pekerjaan kepada penerima manfaat atau menjual produk atau perkhidmatannya di pasaran terbuka

BAGAIMANA KEUSAHAWANAN SOSIAL MEMBANTU MENYELESAIKAN ISU-ISU SOSIAL/ALAM SEKITAR?

Discover Muay Thai



- Membantu belia yang bermasalah membina keyakinan diri menggunakan seni mempertahankan diri Muay Thai
- Model perniagaan: Subsidi silang (Mengenakan bayaran kepada pelanggan yang berkemampuan untuk membantu membiayai latihan intensif selama 4 bulan kepada belia terpilih daripada golongan terpinggir)
- Belia ini diajar dan dibimbing oleh jurulatih Muaythai berpengalaman (membentuk disiplin diri, ketahanan dan keyakinan diri serta sifat kepimpinan dan keprihatihan)

Generating Opportunities for Learning Disabled (GOLD)



- Menjana peluang untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pembelajaran bagi meperkasakan ekonomi mereka
- Contoh Kurang Upaya Pembelajaran atau Intelek termasuk Sindrom Down, Autisme, Disleksia dan Disfungsi Kecederaan Otak Minimal atau Gangguan Hiperaktif Kurang Perhatian (ADHD).
- Menjual produk cookies buatan sendiri bagi menjana pendapatan

BAGAIMANA KEUSAHAWANAN SOSIAL MEMBANTU MENYELESAIKAN ISU-ISU SOSIAL/ALAM SEKITAR?

+ Langit Collective (M) Sdn. Bhd.

LANGIT™



SARAWAK



- Meningkatkan taraf ekonomi petani luar bandar di Sarawak
- Model perniagaan: Perantara pasaran (Membeli secara terus hasil pertanian daripada petani kecil luar bandar Sarawak dan mempromosikannya ke pasaran yang lebih besar)
- Sejak penubuhan Langit pada 2015, ia telah memberi impak kepada lebih 3 komuniti luar bandar, 9 kampung dan 69 petani di negeri Sarawak.
- Langit turut melaksanakan pembelian terus daripada petani kecil di Sabah dan Sarawak

Asli Collaborations Sdn. Bhd.

THE ASLI CO.



Photography by Billy Simon

SELANGOR



- Meningkatkan taraf kehidupan Orang Asli di Serendah
- Model perniagaan: Pekerjaan (memberi peluang pekerjaan kepada wanita orang asli dan mengajar mereka cara menghasilkan produk cenderamata kraftangan)
- Orang asli yang dilatih ini mampu menghasilkan pendapatan antara RM500 hingga RM3000 sebulan

BAGAIMANA KEUSAHAWANAN SOSIAL MEMBANTU MENYELESAIKAN ISU-ISU SOSIAL/ALAM SEKITAR?

KOPERASI PEMBANGUNAN DESA SARADAN TENGHILAN BERHAD



- Aktiviti perniagaan menjual kopi dan madu
- Menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat
- Model perniagaan:
 - (1) Pekerjaan (memberi peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dengan menawarkan pendidikan dan latihan serta bimbingan)

KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN BEAUFORT SABAH BERHAD



- Menjalankan aktiviti membeli, mengalih dan menjual buah tandan segar (BTS), membeli, menyimpan dan menjual input pertanian, menyediakan perkhidmatan kontrak berkaitan ladang sawit dan pengangkutan
- Membantu pekebun-pekebun kecil di komuniti untuk memasarkan produk.
- Model perniagaan:
 - (1) Pekerjaan (memberi peluang pekerjaan kepada komuniti setempat)

BAGAIMANA KEUSAHAWANAN SOSIAL MEMBANTU MENYELESAIKAN ISU-ISU SOSIAL/ALAM SEKITAR?

WALAI TOBILUNG



GE NITRATE SOLUTIONS



- Menjalankan aktiviti pelancongan luar bandar berasaskan komuniti
 - Mengadakan bengkel kemahiran tarian, muzik tradisi dan jualan kraftangan serta kesedaran penjagaan alam sekitar.
 - Model perniagaan:
 - (1) Pekerjaan (pengantara pasaran peluang pekerjaan perkhidmatan sokongan kepada usahawan)
-
- Menghasilkan sumber sayuran dan ikan dengan menjimatkan lebih 70% penggunaan air dalam aktiviti pertanian
 - Memberi manfaat kepada komuniti, impak kepada alam sekitar, latihan dan pembangunan keusahawanan, organisasi kami aktif menjalankan keusahawanan pertanian moden di sekitar daerah penampang berkaitan pertanian akuaponik

CONTOH PERUSAHAAN SOSIAL DIAKREDITASI



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

1. Silent Teddies Bakery

Aktiviti perusahaan:

Sebuah kedai bakeri yang membuat dan menjual kek serta biskut

Matlamat keusahawanan sosial:

- Pekerjaan yang sesuai
- Pembangunan ekonomi

Kumpulan sasar/Penerima manfaat:

- Orang kelainan upaya



2. Helping Hands Penan Berhad

Aktiviti perusahaan:

Membuat dan menjual hasil seni dan kraf tangan bermotifkan negeri Sarawak

Matlamat keusahawanan sosial:

- Pemeliharaan budaya & warisan

Kumpulan sasar/Penerima manfaat:

- Masyarakat Orang Asli



3. Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad

Aktiviti perusahaan:

Menjaga kawasan paya bakau dan memulihkan infrastruktur bagi mengekalkan status tapak warisan UNESCO

Matlamat keusahawanan sosial:

- Membasmi kemiskinan

Kumpulan sasaran/Penerima manfaat:

- Golongan miskin dan miskin tegar



4. Koperasi Ekonomi Rakyat Selangor Berhad

Aktiviti perusahaan:

Memperkasa pertanian dan memulihara budaya, alam sekitar dan identiti masyarakat Orang Asli

Matlamat keusahawanan sosial:

- Bandar dan masyarakat mampan

Kumpulan sasaran/Penerima manfaat:

- Masyarakat Orang Asli



5. Fly Technology Agriculture Sdn Bhd

Aktiviti perusahaan:

Perkhidmatan pengurusan sisa, pertanian lestari dan mengitar semula bahan buangan kepada produk baharu yang mampan

Matlamat keusahawanan sosial:

- Penyertaan sosial yang inklusif
- Kesaksamaan sosial
- Pemuliharaan warisan budaya

Kumpulan sasar/Penerima manfaat:

- Kanak-kanak, warga emas, belia kurang bernasib baik, masyarakat Orang Asli, golongan miskin dan miskin tegar



6. Tanoti Sdn Bhd

Aktiviti perusahaan:

Penghasilan produk kraftangan oleh kaum wanita untuk pembangunan komuniti kawasan luar bandar dan terpencil.

Matlamat keusahawanan sosial:

- Penyertaan sosial yang inklusif
- Kesaksamaan sosial
- Pemuliharaan warisan budaya

Kumpulan sasar/Penerima manfaat:

- Masyarakat Orang Asli, golongan miskin dan miskin tegar



INSENTIF & PROGRAM SE 2023



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

Pengecualian Cukai Pendapatan bagi Perusahaan Sosial yang Diluluskan Akreditasi

Insentif diberikan kepada perusahaan sosial yang diluluskan akreditasi sehingga Disember 2023



MyCIF

Melabur bersama Perusahaan Sosial bersama pelabur swasta melalui platform Peer-to-peer Financing (P2P)



A foundation of Khazanah Nasional

Hasanah Grantt 2023

Menyediakan sokongan kewangan untuk perniagaan peringkat awal di Malaysia yang bercita-cita untuk mengembangkan perniagaan mereka untuk mencapai objektif sosial dan/atau alam sekitar



Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial oleh SME Bank

Merupakan satu kemudahan pembiayaan modal kerja dan pembelian aset khusus untuk perusahaan sosial.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

Recovery Initiatives for Social Enterprise (RISE) oleh KUSKOP

Merupakan program untuk mempertingkatkan adaptasi teknologi, digitalisasi dan automasi dalam kalangan perusahaan sosial.



Skim Juara Lestari oleh SME Bank

Merupakan satu program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan bilangan Perusahaan Sosial (SE) yang berdaftar sebagai *SE Basic* atau *SE Accredited*.

INSENTIF & PROGRAM SE 2023



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI



SERY KBS

Program ini khusus untuk membangunkan potensi belia dalam bidang keusahawanan sosial dalam usaha mengupayakan belia agar dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan komuniti luar bandar.



Program Kesedaran Keusahawanan Sosial oleh SKM

Merupakan satu program untuk meningkatkan bilangan koperasi yang mendapat SE Asas.



Kursus Keusahawanan Sosial Koperasi (COOP SE) oleh IKMa

Merupakan kursus yang memberi pendedahan kepada koperasi tentang konsep dan model keusahawanan sosial.



Program Pemerkasaan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial oleh KUSKOP

Program ini memberi pendedahan mengenai konsep keusahawanan sosial dalam gerakan koperasi.



MAKLUMAT BAGI PENILAIAN PERMOHONAN PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL KOPERASI

KANDUNGAN

01

MATLAMAT KEUSAHAWANAN
SOSIAL & KUMPULAN SASAR /
PENERIMA MANFAAT



02

KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN
PERUSAHAAN SOSIAL KOPERASI



03

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI
PERMOHONAN PERUSAHAAN SOSIAL
KOPERASI



MATLAMAT KEUSAHAWANAN SOSIAL & KUMPULAN SASAR / PENERIMA MANFAAT

MATLAMAT KEUSAHAWANAN SOSIAL



Penyertaan sosial
yang inklusif



Pendidikan untuk
semua



Kesaksamaan
sosial



Penjagaan kesihatan
untuk semua



Pemeliharaan budaya
dan warisan



Akses kepada air
bersih dan sanitasi



Melindungi mangsa
keganasan



Perumahan mampu
milik



Jaminan
makanan



Pemeliharaan
alam sekitar



Tindakan iklim

KUMPULAN SASAR ATAU PENERIMA MANFAAT



Kanak-kanak



Warga emas



Orang kelainan upaya



Gelandangan dan pengemis



Mangsa bencana alam



Mangsa keganasan rumah tangga



Pesalah di bawah perintah
khidmat masyarakat



Mangsa pemerdagangan manusia



Belia kurang bernasib baik



Populasi rentan



Masyarakat orang asli / Asal



Keluarga rentan:
ibu tunggal dan bapa tunggal



Orang yang mengalami ketagihan



Bekas banduan



Individu tanpa dokumen



Golongan miskin dan miskin tegar

Senarai matlamat dan sasaran penerima manfaat ini tidak menyeluruh dan akan dikaji dari semasa ke semasa

KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN PERUSAHAAN SOSIAL KOPERASI

KRITERIA	BIL.	PERKARA	KETERANGAN	SYARAT		
				TUNAS (ASPIRING)	ASAS (SE.B)	AKREDITASI (SE.Ac)
Umum	1	Tempoh sah laku	Tamat tempoh akreditasi	1 tahun	3 tahun	5 tahun
	2	Yuran pemprosesan	Bayaran proses permohonan bagi mendapatkan komitmen dari organisasi	Percuma	RM50	RM300
	3	Berdaftar dan tempoh operasi	Organisasi perlu mendaftar dengan pihak berwajib (SSM, SKM, ROS, PBT, dll.)	Tidak wajib	≥6 bulan	≥2 tahun
	4	Pendapatan	Berdaya maju, pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan / berjual beli	≥10%	≥25%	≥51%
Kriteria Tambahan Bagi Koperasi	5	Anggota Koperasi ATAU	Keanggotaan koperasi terdiri daripada kumpulan sasaran	≥25%	≥51%	≥75%
	6	Penerima manfaat	Komuniti yang menerima manfaat terdiri daripada kumpulan sasaran	√	√	√

KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN PERUSAHAAN SOSIAL KOPERASI

Samb...

KRITERIA	BIL.	PERKARA	KETERANGAN	SYARAT		
				TUNAS (ASPIRING)	ASAS (SE.B)	AKREDITASI (SE.Ac)
Kriteria Penyaluran	7	Keuntungan ATAU	Keuntungan diperuntukkan bagi mencapai misi sosial / alam sekitar	≥10% ATAU	≥30% ATAU	≥51% DAN
	8	Sokongan atau / dan	Menyediakan peluang menjana pendapatan, menyediakan latihan atau memberi subsidi kepada kumpulan sasar	≥10%	≥30%	≥51% ATAU
	9	Bahan mentah / perolehan sumber atau / dan	Bahan mentah atau sumber pengeluaran dibelanjakan untuk mencapai misi sosial / alam sekitar			≥51% ATAU
	10	Pekerjaan	Jumlah penggajian (<i>payroll</i>) kepada kumpulan sasar			≥51%

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN PERUSAHAAN SOSIAL KOPERASI

1. Salinan sijil pendaftaran koperasi

2. Penyata kewangan beraudit terkini

3. Profil koperasi

4. Senarai anggota Lembaga koperasi

5. Gambar premis dan gambar aktiviti perniagaan koperasi

6. Maklumat anggota koperasi (format disertakan)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

TERIMA KASIH



Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa



03-88836300



se@kuskop.gov.my



www.kuskop.gov.my

